

**REEVALUATION OF MOHAMMAD HATTA'S ECONOMIC DEVELOPMENT IDEAS  
IN THE CONTEMPORARY REALITY OF THE MUSLIM ECONOMY IN NUSANTARA**

**PENILAIAN SEMULA TERHADAP GAGASAN PEMBANGUNAN EKONOMI MUHAMMAD  
HATTA DALAM REALITI TERKINI EKONOMI UMAT ISLAM NUSANTARA**

Abdul Rahim Ismail<sup>i</sup>, Wan Mohd Yusof Wan Chik<sup>ii</sup>, Ahmad Iqbal Mohd Fadzli<sup>iii</sup> &  
Mohamad Iqbal Mohd Kasim<sup>iv</sup>

- <sup>i</sup> (*Corresponding author*). Calon Sarjana, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA); Pegawai Perkhidmatan Pendidikan, Sekolah Kebangsaan Parit Rambai, Pontian Johor. himvespa007@gmail.com
- <sup>ii</sup> Felo Penyelidik, Institut Penyelidikan Produk dan Ketamadunan Melayu Islam (INSPIRE); Profesor Madya, Pusat Pengajian Syariah, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA). mohdyusof@unisza.edu.my
- <sup>iii</sup> Calon Phd, Pusat Pengajian Syariah, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA). iqbalfadzli.edu@gmail.com
- <sup>iv</sup> Calon Sarjana, Pusat Pengajian Syariah, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA). mohamad.iqbal1406@yahoo.com

Article Progress

Received: 1 September 2024

Revised: 20 October 2024

Accepted: 26 October 2024

**Abstract**

*Many economic ideas have been proposed by past economic figures, including Mohammad Hatta, who is recognized as one of the "Founding Fathers" of Indonesia's economic development. Hatta is credited with conceptualizing an Islamic economic system based on cooperation, brotherhood, and social justice. This system has been regarded as potentially applicable to the Muslim community in the Nusantara region, which faces similar challenges. However, the reality of globalization has led to shifts in global economic structures and focuses, influencing cooperation, brotherhood, and social justice. The objective of this study is to reassess Mohammad Hatta's Islamic economic ideas in the context of the current economic challenges facing Muslims in the Nusantara (Malaysia, Indonesia, and Southern Thailand). This qualitative study employs literature review and content analysis for data collection, with descriptive analysis for data interpretation. The findings reveal that Hatta's ideas significantly impacted the early economic development of Indonesia. He rejected both liberal and communist economic models, instead emphasizing the values of ownership, justice, and fraternity as the foundation of the economic system. His approach was driven by three key mechanisms: social justice, cooperatives, and people's sovereignty. Notably, Hatta framed these mechanisms within the principles of Islam and democracy. The study concludes that Hatta's economic ideas remain relevant to the contemporary challenges facing the Muslim community in the Nusantara. His ideas promote economic independence, brotherhood, and cooperation, while being resilient to the pressures of globalization and digitalization. Hatta not only laid a strong foundation for Indonesia's early economic development but also left a legacy of economic thought for the Muslim community in the Nusantara that continues to be a valuable framework for current and future discourse.*

**Keywords:** *Mohammad Hatta, Economy, Indonesia, Nusantara.*

<b>Abstrak</b>	<p>Banyak gagasan ekonomi pernah dikemukakan oleh tokoh-tokoh ekonomi terdahulu, termasuklah gagasan ekonomi Mohammad Hatta, salah seorang 'Penggagas Awal' pembangunan ekonomi Republik Indonesia. Beliau dikatakan menggagaskan suatu sistem perekonomian Islam berteraskan kerjasama, persaudaraan dan keadilan sosial. Gagasan ini dikatakan turut sesuai untuk diaplikasi di peringkat umat Islam di Nusantara yang menghadapi masalah yang tidak jauh berbeza. Begitupun realiti globalisasi kini menyaksikan berlakunya perubahan dalam struktur dan fokus ekonomi sejagat yang tentunya memberikan kesan kepada aspek kerjasama, persaudaraan dan keadilan sosial. Justeru, objektif kajian ini adalah untuk menilai semula gagasan ekonomi Islam Mohammad Hatta dalam konteks cabaran ekonomi terkini umat Islam di Nusantara (Malaysia, Indonesia dan Selatan Thailand). Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan menggunakan tinjauan literatur dan analisis kandungan sebagai kaedah pengumpulan data, manakala analisis data ialah secara deskriptif. Hasil kajian menunjukkan bahawa gagasan Mohammad Hatta amat berpengaruh terhadap pembangunan awal ekonomi Republik Indonesia. Beliau nyata menolak idea ekonomi liberal dan komunis dengan menjadikan nilai kepemilikan, nilai keadilan dan kebersamaan serta nilai persaudaraan sebagai asas sistem perekonomian. Ini digerakkan melalui tiga mekanisme utama, iaitu keadilan sosial, koperasi, dan kedaulatan rakyat. Apa yang paling menarik beliau mewacanakan ketiga-tiga mekanisme itu dalam kerangka pemikiran Islam dan demokrasi. Kajian juga mendapati ketiga-tiga gagasan wajar digerakkan dan dihidupkan oleh umat Islam di Nusantara dalam konteks cabaran semasa. Ringkasnya idea-idea bernas Hatta dalam pembangunan ekonomi Umat Islam masih lagi relevan dalam menghadapi cabaran terkini. Begitupun ia perlu dibina di atas semangat untuk membangunkan kemandirian ummah, persaudaraan dan kerjasama, serta kalis cabaran globalisasi dan digitalisasi. Hakikatnya Hatta bukan sahaja telah meletakkan asas-asas yang baik dalam pembangunan ekonomi Republik Indonesia pada zamannya, malah mewariskan gagasan pembangunan ekonomi buat umat Islam di Nusantara yang relevan dijadikan wacana fikir sehingga kini.</p> <p>Kata kunci: Mohammad Hatta, Ekonomi, Indonesia, Nusantara..</p>
----------------	---

## PENDAHULUAN

Ekonomi global mengalami perubahan ekonomi yang pesat sejak awal abad ke 20, apatah lagi pada abad ke 21. Keadaan ini telah melahirkan pelbagai tokoh yang membawakan gagasan demi gagasan, silih berganti. Pada peringkat Nusantara, khasnya di Indonesia, Mohammad Hatta atau dikenali juga Bung Hatta adalah salah seorang tokohnya. Sejurus selepas kemerdekaan Republik Indonesia pada tahun 1945, hasrat Presiden Soekarno untuk mendirikan ekonomi Republik Indonesia seakan terhalang dengan kebergantungan negaranya kepada perniagaan-perniagaan Belanda. Situasi perekonomian Republik Indonesia yang tidak stabil ini telah membawa kepada pelantikan Mohammad Hatta sebagai ketua dalam Pembangunan ekonomi Indonesia (Akhmad Syaekhu Rakhman & Arief Hidayat, 2022; Afifah Denisa, 2023)

Hatta telah berusaha membina suatu ekosistem ekonomi kerakyatan yang berkonsepkan keadilan sosial, demokrasi ekonomi dan koperasi (Deliar Noer, 1990; Siti Muallimah, 2018; Moh. Musfiq Arifqi, 2020; Akhmad Suyono, 2021). Pelbagai insentif diperkenalkan oleh Bung Hatta untuk memotivasikan rakyat Indonesia untuk berniaga dari kecil-kecilan sehingga tahap antarabangsa demi kemakmuran ekonomi Republik Indonesia (Wulan Wulandi, 2023). Beliau telah menggunakan sepenuhnya ruang politik yang diberikan kepadanya untuk menggagas pembangunan awal ekonomi Republik Indonesia,

sebuah negara yang mempunyai penduduk yang begitu ramai, padat dan majmuk. Idea-idea awal beliau dikatakan sering menjadi rujukan kepada perekonomian Republik Indonesia, termasuklah ketika menghadapi kegawatan ekonomi dunia pada tahun 1998 (Panji Patra, 2008; Alma Fasola, 2020; Akhmad Suyono, 2021).

Dunia perekonomian pada peringkat nasional dan global, kini dikatakan amat berbeza. Kemajuan teknologi pengangkutan dan komunikasi berlaku secara pantas, canggih dan lebih rumit (Joseph et al., 2020; Rodrigue, 2024). Dimensi masa dan sempadan geografi seolah hilang sempadannya. Para pemain, nilai dan struktur ekonomi pada peringkat setempat, serantau mahupun sejagat amat berlainan dari pertengahan abad lepas. Pengaruh kaum kapitalis merentasi sempadan geografi dan negara dengan sebegitu mudah dengan kemajuan sistem kewangan yang berlaku secara digital. Pelaburan oleh entiti asing boleh berlaku tanpa kehadiran fizikal. Sebagai contoh, di Malaysia, Pelaburan Langsung Asing (FDI) melibatkan pelaburan yang dibuat oleh firma atau individu luar negara untuk memulakan operasi perniagaan atau memperoleh aset produktif seperti kilang, lombong, dan tanah (Adam Hayes, 2024; Majalah Labur, 2022).

Dalam masa yang sama, permasalahan ekonomi rakyat pada peringkat setempat dan sejagat masih tetap sama. Isu seperti ketidakseimbangan ekonomi dan pendapatan, krisis pekerjaan dan pengangguran, kemiskinan, ketidakstabilan harga, ketidakadilan sosial, krisis ekologi dan ketidakseimbangan global masih menjadi persoalan belum terjawab. Hal ini tidaklah terlalu berbeza dengan apa yang dihadapi oleh masyarakat sejak zaman revolusi industri lagi. Situasi terkini mungkin berbeza, namun derita masyarakat masih sama.

Justeru artikel ini cuba menilai semula secara teori relevansi gagasan ekonomi Muhammad Hatta dalam menghadapi realiti ekonomi global, khasnya dalam konteks realiti umat Islam di Nusantara (Malaysia, Indonesia dan Selatan Thailand). Penekanan akan diberikan kepada aspek kewibawaan gagasan beliau dalam merapatkan jurang ekonomi kerakyatan umat Islam Nusantara.

## **METODOLOGI**

Kajian ini merupakan kajian kualitatif. Maklumat dikumpulkan melalui bahan-bahan kepustakaan yang didapati secara nyata mahupun maya meliputi bahan-bahan bercetak dalam bentuk buku mahupun makalah. Literatur yang dikesan kemudiannya dianalisis kandungannya untuk dipersembahkan dalam bentuk diskriptif demi memberi saranan-saranan umum pembangunan ekonomi umat Islam berdasarkan gagasan ekonomi Muhammad Hatta.

## **DAPATAN KAJIAN**

### **Latar Belakang Mohammad Hatta**

Mohammad Hatta dilahirkan di Bukit Tinggi pada tahun 12 Ogos 1902, sebuah bandar kecil berpemandangan indah di Sumatera Barat (Mohammad Hatta, 1979). Hatta diasuh keluarganya untuk menjadi muslim yang taat dan mencintai ilmu sejak usia kanak-kanak. Buku adalah sebahagian dari kehidupan Hatta. Beliau sentiasa membawa, menjaga dan memuliakan buku sebaik-baiknya di mana sahaja (Meutia Farida, 1980).

Hatta belajar Agama di Sekolah Rakyat selama 5 tahun demi meneruskan pengajiannya ke Mekah dan juga kemudiannya ke Mesir. Memandangkan keadaan tidak mengizinkan, beliau telah menyambung pelajarannya ke Sekolah Rakyat Bukit Tinggi di Padang dahulu, dan selepas itu Hatta terus berpindah ke *Europeesche Lagere School* (ELS), sebuah sekolah untuk orang berkulit putih. Hatta berpindah ke Padang pada tahun 1913, disebabkan kemahuan keluarga yang ingin melihat Hatta belajar bahasa Perancis. Hatta berpindah ke Jakarta pada umur 14-15 tahun untuk belajar di sekolah menengah *Meer Uitgebreid Lager Onderwijs* (MULO). Di Padang, minat beliau belajar agama semakin kuat. Beliau mempelajari bahasa Arab demi memahami fiqh dan tafsir dari beberapa orang

gurunya seperti Haji Muhammad Djamil Djambek (1860-1933) dan Haji Abdullah Ahmad (1878-1933) (Rohmat, 2019).

Pada tahun 1919 Hatta ke Jakarta lagi untuk belajar di *Prins Hendrik Handels School* (PHS) dan menamatkannya dengan baik pada tahun 1921. Bagi beliau, PHS cukup bagus kerana lebih mengutamakan pengembangan pelajaran bukan hafalan. Beliau mendapat kedudukan ketiga ketika selesai belajar di PHS. Selepas selesai menamatkan pengajian di PHS beliau ditawarkan untuk mengajar di PHS dengan pendapatan sekitar RM150.00 (Deliar Noer, 1990). Ketika mengajar di PHS, Hatta mulai tertarik untuk menyambung pelajaran di Belanda dengan bantuan salah seorang sepupunya, Ayub Rais. Beliau merupakan seorang peniaga. Tidak lama kemudian, Ayub Rais bankrap dan tidak mampu mendorong impian Hatta. Begitupun, Hatta tidak pernah berputus asa, beliau mengumpulkan wang simpanan demi menyambung cita-citanya untuk belajar dan mendapat biasiswa dari Belanda. Berita ini telah tersebar di Padang, dan akhirnya terdapat seorang ahli perniagaan di Padang yang melabur di syarikat Usaha datang membantunya (Deliar Noer, 1990).

Pada tahun 1921 Hatta pergi ke Rotterdam, Belanda untuk belajar ilmu perdagangan di *Nederlandsche Handels-Hoogeschool* yang kini dikenali sebagai Erasmus Universiti. Beliau menghabiskan masanya selama 11 tahun di Belanda (Rohmat, 2019). Pada tahun 1923, beliau berjaya dalam perperiksaan *Handels-Economic*. Seterusnya beliau menyambung pengajian peringkat Doktor falsafah pada tahun 1925 di Rotterdam dalam bidang '*Staatskunding-Economische Richting*' demi membangunkan tanah airnya nanti. Beliau menamatkan peperiksaan doktor falsafahnya pada tahun 1932 (Rohmat, 2019).

Seusai pengajian di Belanda, Hatta berkahwin dengan Rahmi Rachim pada 1945 di Bogor Jawa Barat. Mereka memiliki tiga orang cahaya mata perempuan. Dengan kepakaran dan keilmuan beliau dalam bidang ekonomi, pada 27 November 1956, beliau mendapat beberapa anugerah terhormat akademik iaitu 'Doktor Honoris Causa Ilmu Hukum' dari Universitas Gajah Mada di Yogyakarta dan Universitas Indonesia. Universitas Padjadjaran di Bandung turut menganugerahkan Hatta sebagai tokoh dalam ilmu politik perekonomian. Manakala, Universiti Hasanuddin di Ujung Pandang memberikan anugerah 'Doktor Honoris Causa dalam bidang Ekonomi' (Rohmat, 2019).

Pada zaman pendudukan Jepun, beliau aktif meniupkan semangat patriotisme dalam pelbagai aktiviti seperti Jawa Hokokai, penyediaan kandungan ketatanegaraan melalui Badan Penyelidikan Usaha-usaha kemerdekaan Indonesia (BPUPKI) dan Panitia Persiapan Kemerdekaan Indonesia (PPKI). Setelah kejatuhan Jepun, Hatta bersama Soekarno berjaya merancang pergerakan-pergerakan sehingga terbentuknya kabinet Sjahrir 1 (Chandra Purnama, 2015; Nuraini, 2023). Begitupun ini tidak menghalang beliau untuk melancarkan siri kritikan terhadap pemerintahan Soekarno dan sudah meramalkan kejatuhannya (Mohammad Hatta, 1962; Kementerian Agama Republik Indonesia, 2017).

Muhammad Hatta mempertaruhkan seluruh hidupnya untuk Republik Indonesia. Pidato ulung beliau bertajuk *Lampau dan Datang* dikatakan amat bermakna dalam mewacanakan pemikirannya. Ia disampaikan dalam majlis penerimaan gelaran Doktor Kehormat dari Universitas Gajah Mada, Yogyakarta, tiga hari sebelum beliau turun dari jawatan Timbalan Presiden (Majalah Tempo, 2002; Achmad Sunjayadi, t.t). Impian, gagasan, respon dan pandangan Hatta berkenaan pelbagai masalah ekonomi dilihat amat bernilai pada peringkat negara nasional, serantau mahupun sejagat.

Hatta fokus menegaskan bahawa pembangunan seharusnya berobjektifkan kemakmuran rakyat. Parameter kejayaan perekonomian negara seharusnya berpaksikan kebajikan rakyat. Perjuangan Hatta untuk memajukan dan menaikkan ekonomi kerakyatan melalui institusi koperasi kerap dirujuk dan dibincangkan oleh para pakar ekonomi dunia. Sehingga kini perkembangan ekonomi Indonesia masih memiliki kerangka semangat, teori dan pemikiran Hatta (Ahmad Suyono, 2021). Justeru, tidak hairanlah gagasan ekonomi Hatta telah menjadi kompas awal pembangunan ekonomi Republik Indonesia. Bahkan pernah menjadi alternatif untuk Republik Indonesia keluar dari krisis ekonomi pada tahun 1998.

### **Mohammad Hatta Dan Gagasan Pembangunan Ekonomi Islam**

Gagasan ekonomi Hatta dibina berdasarkan penelitian terhadap realiti ekonomi bangsa Indonesia pada era kemerdekaan, terutama ketika belajar di sekolah menengah (MULO) (Yudiyanto, 2016). Semangat patriotisme yang digerakkan oleh Budi Utomo (parti politik nasionalis) pada tahun 1908 telah berjaya menggerakkan generasi muda Indonesia, termasuk Hatta untuk bangkit membangunkan diri demi negara. Semangat ini begitu ketara sehingga munculnya pelbagai gerakan *Jong* (kumpulan anak muda) seperti *Jong Java* (Jawa), *Jong Sumatranen Bond* (Sumatera), *Jong Minahasa* (Minahasa Sulawesi Utara), *Jong Celebes* (Sulawesi) dan *Jong Ambon* (Pemuda Ambon) (Mohammad Hatta, 2015; Formadiksi UM, 2023). Begitupun gagasan dan semangat ini turut tersebar melangkaui sempadan geografi Republik Indonesia, termasuk Malaysia. Ia adalah gagasan pembangunan ekonomi yang cuba menggerakkan ekonomi umat Islam yang masih dibelenggu pengaruh penjajah melalui suatu konsep pembangunan ekonomi Islam yang mengimbangi aliran kapitalis dan sosialis.

Sebagai seorang Muslim yang membesar dengan jiwa dan ilmu agama, Hatta sentiasa melihat kehidupan dari 'worldview' Islam. Menurut beliau, konsep ekonomi liberal kapitalis dan sosialis adalah tidak selari dengan ajaran Islam dan budaya umat Islam. Konsep ini tidak memberikan kemakmuran dan tidak menyelesaikan permasalahan ekonomi masyarakat terbanyak. Hatta mewacanakan sebuah sistem ekonomi kerakyatan berpaksikan keadilan sosial, koperasi dan demokrasi ekonomi yang dilihat lebih selari dengan Islam. Ini dikukuhkan oleh nilai fundamental ekonomi yang iaitu nilai kepemilikan, nilai keadilan dan kebersamaan serta nilai persaudaraan (Nana Aditya et al., 2016; Siti Muallimah, 2018; Moh. Musfiq, 2020; Ahmad Suyono, 2021; Wulandari & Asyari, 2023). Dengan nilai ini umat Islam akan lebih berani dan mandiri berinovasi dalam menjana produk dan aset kemakmuran masa depan. Seluruh segmen perekonomian sama ada koperasi, kerajaan dan swasta di negara umat Islam harus bersinergi membangunkan negara demi kemakmuran rakyat.

Ringkasnya, Hatta mengagaskan konsep ekonomi kerakyatan yang mengandungi nilai-nilai Pancasila sejajar dengan keperibadian bangsa Indonesia. Menurutnya, semua aktiviti ekonomi seharusnya berjalan selari dengan prinsip ekonomi Syariah, yang mengutamakan kemaslahatan dan kemakmuran masyarakat (Yunita & Naufal, 2023). Hatta merealisasikan visi ini melalui koperasi, menawarkan penyelesaian terhadap masalah ekonomi dengan menggalakkan semangat persaudaran dan gotong-royong (bekerja bersama dan bantu membantu antara satu sama lain). Pendekatan koperasi yang berteraskan kesejahteraan keluarga dan kemakmuran rakyat harus dijulang menjadi strategi utama untuk mengatasi cabaran ekonomi yang berhadapan dengan nilai ketidakadilan, penindasan, ketidakseimbangan pengagihan dan ketamakan kaum kapitalis yang sentiasa berselindung di sebalik liberalisasi ekonomi (Muhammad Abdul Manan, 2020; Wulandari & Asy'ari, 2023; Yunita & Naufal, 2023).

### **Mekanisme Pembangunan Ekonomi Islam Menurut Hatta**

Muhammad Hatta mengagaskan tiga mekanisme utama pembangunan sistem ekonomi, iaitu Keadilan Sosial, Koperasi dan Kedaulatan rakyat. Ketiga-tiga mekanisme ini perlu difahami dan digerakkan serentak demi memastikan kemakmuran ekonomi diagihkan secara merakyat.

**Pertama:** Keadilan sosial. Hatta menekankan aspek keadilan sosial dalam pembangunan ekonomi. Ekonomi baginya harus memastikan kesejahteraan dan hak segenap lapisan masyarakat secara setara sebagaimana yang dianjurkan oleh Islam (Deliar Noer, 1990; Siti Muallimah, 2018). Ini tampak jelas dalam bukunya '*Ekonomi Rakyat dalam Bahaya*' yang mengagaskan konsep ekonomi kerakyatan demi menyingkirkan sistem ekonomi kolonial Belanda (Hindi Junaidi, 2011). Hatta menuntut suatu reformasi sosial secara total supaya ekonomi rakyat dapat diperkukuhkan melalui hubungan baik dengan para pemaju sektor ekonomi moden. Ini memberikan peluang kepada setiap individu untuk turut terlibat dalam aktiviti ekonomi. Reformasi sosial ini akan membentuk suatu situasi

yang adil dan setara sebagaimana yang dikehendaki Syariat Islam (Edy Suandi, 2007; Hindi Junaidi, 2011).

**Kedua:** Koperasi. Idea ini menitikberatkan ahlinya untuk sama-sama bekerja dan mendapat keuntungan untuk dikongsi bersama (Dainumi Darmawan, 1984; Kamus Dewan Edisi Keempat, 2007). Koperasi merupakan insitisi sosial berteraskan ekonomi untuk mencapai suatu matlamat. Menurut Hatta, dalam koperasi tidak ada sebahagian anggota mencuri tulang - semuanya sama-sama bekerja untuk mencapai tujuan bersama berdasarkan semangat kolektivisme dalam kalangan masyarakat Indonesia. Koperasi mampu menghidupkan kembali tradisi dan suasana kekeluargaan masyarakat yang bebas dari penindasan dan paksaan. Moral tinggi para pekerja koperasi seperti jujur, amanah dan bertanggungjawab akan memberikan impak positif sekaligus meminimalkan konflik antara majikan dengan pekerja dalam sesebuah organisasi (Herlina Setiyarini, 2014; Effendi et al., 2018; Resti et al., 2019).

Objektif utama koperasi bukanlah untuk mencari keuntungan semata, tetapi merealisasikan keperluan hidup bersama (Effendi et al., 2018). Keuntungan yang dijana melalui perniagaan akan memperkuat sendi perniagaan melalui simpanan bersama. Wang yang disimpan tersebut dijadikan modal tolong-menolong sebagai kredit untuk koperasi. Dengan sistem pinjaman secara giliran, setiap perusahaan koperasi dapat memperkuat modal usahanya. Oleh kerana itu, koperasi berpotensi sebagai pemangkin ekonomi rakyat, seterusnya menstabilkan dan menyetarakan ekonomi setiap lapisan masyarakat di Indonesia (Aggianti Asri, 2015; Adi Tri Saputra, 2018; Resti et al., 2019; Maulina, 2024).

Semangat bekerjasama dalam koperasi adalah dalam bentuk saling membantu diantara satu sama lain dalam situasi yang baik mahupun situasi yang buruk. Ini bermakna, keuntungan sama-sama diperoleh, dan rugi sama-sama dipikul. Oleh kerana itu, ia memberi kepercayaan dan motivasi besar kepada masyarakat untuk menjadi anggota koperasi. Perusahaan rakyat secara koperasi berpotensi untuk berkembang secara organik, dari kecil, sederhana dan menjadi besar di kemudian hari. Impaknya adalah peningkatan ekonomi dan taraf hidup masyarakat (Herlina Setiyarini, 2014; Mohammad Hatta, 2015; Itang, 2016; Cusdiawan, 2024). Sementara itu, terdapat juga hal-hal lain yang diambil berat oleh Hatta sehingga memberikan sumbangan fikiran kepada Indonesia seperti 'hak untuk berkumpul dan berserikat' (syarikat) dan 'penguasaan negara atas sumber alam'. Kedua-duanya mencerminkan kepedulian beliau kepada kedaulatan rakyat serta kehidupan ekonomi bangsa Indonesia (Raden et al., 2018; Fahri, 2024). Dalam masa yang sama, setiap pandangan dan gagasan Hatta selalu menjunjung tinggi asas-asas kerakyatan dalam UUD 45 dan Pancasila. Dengan sumbangan Hatta terhadap ekonomi Indonesia, beliau digelar sebagai 'Bapak Koperasi' (Deliar Noer, 2012; Mohammad Hatta, 2015; Resti et al., 2019)

Pemikiran beliau yang membahagikan faedah pinjaman (bunga) kepada konsumtif (pinjaman yang mempunyai unsur pemerasan di mana peminjam akan mempunyai kesulitan untuk membayar hutang) dan produktif (pinjaman dengan pulangan berbaloi kerana hutang yang sentiasa berkembang dari semasa ke semasa sehingga menjana wang untuk dilabur) adalah agak kontroversi. Justeru, terdapat koperasi yang menggunakan konsep faedah pinjaman produktif dalam pelaksanaannya, walaupun majoriti ulama ketika itu menegaskan bahawa bunga bank dikategorikan sebagai riba, dan tidak membezakan faedah antara konsumtif dan produktif (Pantri Patra, 2008; Hindi, 2011, Abdul Mufid, 2023). Begitupun pemikiran beliau ini telah membuka jalan kepada perkembangan koperasi berlandaskan Syariah. Perkembangan koperasi syariah di Indonesia awal mulanya berbentuk lingkaran organisasi kecil, bernama Serikat Dagang Islam (SDI). Koperasi syariah mulai hangat diperbincangkan seiring dengan perkembangan dunia industri syariah di Indonesia dimulai dengan penubuhan Bank Muamalat pada tahun 1992. SDI diasaskan oleh H. Samanhudi - merupakan organisasi ekonomi berteraskan Islam dan menjadikan sistem ekonomi rakyat sebagai asas penggeraknya (Anggiati Asti, 2015; Maula Husien, 2019).

**Ketiga:** Kedaulatan Rakyat. Demokrasi dimaknakan Hatta sebagai kedaulatan rakyat, sesuai dengan perkataan Belanda iaitu '*volkssoevereiniteit*'. Penggunaan ini, jelas dalam tulisannya: "*Pada waktu yang akhir ini, banyak orang salah paham memberikan arti 'kedaulatan rakyat' sebab itulah ada baiknya jika saya disini bercakap sepatah dua kata tentang kedaulatan rakyat. Kedaulatan rakyat ialah kekuasaan yang di laksanakan oleh rakyat dengan secara muafakat atau bekerja sama, kata muafakat ini hendaklah ada, barulah kedaulatan itu ada pada rakyat. Keputusan yang diberikan oleh seseorang atau satu golongan dengan tiada persetujuan rakyat, bukanlah kedaulatan rakyat. Demikian juga kata muafakat yang dipaksakan oleh rakyat*" (Mohammad Hatta, 2002).

Kedaulatan rakyat di sini bukanlah sinonim dengan demokrasi Barat sebagaimana terungkap melalui Revolusi Perancis pada tahun 1789, yang menyatakan tentang '*Trilogi la Liberte et la Fratrenite*' (kemerdekaan, persamaan dan persaudaraan) (Mohammad Hatta, 1998; Kementerian Sekretariat Negara Republik Indonesia, 2024). Dalam tulisannya 'Daulat Ra'jat' pada tahun 1932, beliau menegaskan bahawa kemerdekaan atau kebebasan mutlak kepada rakyat akan mengakibatkan kekuasaan kapitalisme. Demokrasi politik tanpa demokrasi ekonomi tidak akan merealisasikan demokrasi hakiki yang menggagaskan bahawa semua hasil dan kemakmuran masyarakat, seharusnya ditanggung bersama (Mohammad Hatta, 1976; Suroto, 2024).

Penolakan Hatta terhadap demokrasi Barat, bukan bermaksud Hatta menerima 'demokrasi rakyat' versi liberal atau komunis. Menurut Hatta, demokrasi sepatutnya menghargai sumbangan setiap individu dengan tidak menafikan persamaan antara satu sama yang lain. Hal ini tidak wujud di dalam sistem komunis kerana sistem pemerintahan komunisme itu yang menafikan sumbangan dan hak individu tetapi dalam masa yang sama bertujuan untuk memberi kekuasaan kepada bangsawan sahaja (Mohammad Hatta, 1991; Raden et al., 2018). Pemikiran Hatta tentang demokrasi inilah, pada akhirnya menjadi contoh di dalam Pasal 33 Undang-Undang Dasar (UUD) Republik Indonesia 1945. Dengan adanya demokrasi seperti ini, barulah dapat memberi jaminan bahawa terdapat satu keadilan sosial yang diinginkan rakyat untuk menjamin kemakmuran kepada semua masyarakat (Mohammad Hatta, 1981; Hutabarat et al., 2015; Raden et al., 2018).

**Secara keseluruhannya**, gagasan Hatta adalah gerakan reformasi ekonomi masyarakat. Beliau menegaskan bahawa ekonomi kerakyatan perlu bergerak secara kolektif dan organisasi koperasi. Kolektif bermaksud menghimpunkan para penggerak ekonomi rakyat dalam menjual produk-produk yang mereka hasilkan dengan tawaran yang kukuh, pembangunan besar-besaran yang dilakukan dengan pemantauan kerajaan atau diberikan amanah kepada syarikat-syarikat yang tertentu dibawah pengawasan kerajaan. Matlamat utamanya ialah segala usaha tersebut mendapatka kemakmuran rakyat. Manakala, Organisasi Koperasi ialah medium yang bertanggungjawab dalam membeli barangan yang diperlukan oleh penggerak ekonomi rakyat daripada para pemberi modal dalam industri moden dengan tawaran yang kukuh. Hal ini menunjukkan bahawa melalui Organisasi Koperasi, sebarang penindasan dan penipuan dapat dielakkan (Sritua Arief, 2002; Hindi, 2011; Siti Muallimah, 2018; Mukhtar, 2018; Wiki, 2022).

Gagasan koperasi Hatta sebagai organisasi ekonomi rakyat Indonesia didapati selari dengan perkembangan koperasi di Denmark. Hatta mempunyai pandangan yang sama dengan Ravnholt bahawa dasar-dasar demokrasi ekonomi yang dijalankan dalam koperasi akan menjadi landasan utama bagi kehidupan demokrasi politik. Ini jelas disebut dalam syarahannya di radio yang mengambil pernyataan Ravnholt dalam bukunya '*The Danish Cooperative Movement*', "*Dalam perkumpulan koperasi, asas-asas ekonomi telah terlebih dahulu dijalankan sebelum rakyat Denmark seluruhnya mengenal demokrasi politik*" (Sritua Arief, 2002; Hindi, 2011; Nana Aditya & Saiful Bachri, 2016). Beliau berpendapat, sebagaimana perkembangan koperasi yang mengiringi demokrasi politik di Denmark, ia adalah berdasarkan rasa tanggungjawab rakyat. Maka begitu juga lah seharusnya di Republik Indonesia. Pembangunan ekonomi tanpa rasa tanggungjawab pada rakyat tidak mungkin akan ada demokrasi. Jika wujud pun demokrasi, ia hanya pada nama sahaja. Hakikatnya berelemenkan anarki yang diasaskan atas kepentingan individu atau segelintir

masyarakat (Sritua Arief, 2002; Hindi, 2011). Menurut Hatta, koperasi dan demokrasi bersifat saling memberi sokongan. Koperasi memupuk rasa tanggungjawab dalam kehidupan demokrasi, dan demokrasi merupakan akar umbi yang baik bagi kehidupan koperasi (Anwar Abbas, 2008). Justeru dengan semangat kolektivisme dan koperasi, Hatta tetap mengakui usaha, kepentingan dan hak peribadi - dengan syarat kedua-duanya (kolektivisme & koperasi) tidak menggugat kemaslahatan umum. Ini bermaksud, pemikiran Hatta cuba mengharmonikan antara sudut ekonomi mikro yang sesuai dengan aktiviti koperasi, dan makro yang sesuai dalam aktiviti kerajaan (Sritua Arief, 2002; Hindi, 2011; Nana Aditiya & Saiful Bachri, 2016; Wiki, 2022).

## **PERBINCANGAN**

### **Gagasan Hatta Dan Realiti Umat Islam Terkini Di Nusantara**

Hatta adalah satu anugerah buat umat Islam di Nusantara. Walaupun eranya telah berlalu, gagasan pemikirannya yang universal mampu diolah kembali berdasarkan realiti umat Islam terkini. Walaupun ekonomi negara Malaysia, Indonesia dan Thailand telah banyak berubah, tetapi realiti ekonomi umat Islam di Malaysia, Indonesia dan Selatan Thailand, tidak banyak perbezaannya. Isu kemiskinan, jurang kekayaan dan pembangunan tidak sekata masih menjadi kemelut bersama walaupun ketiga-tiganya mempunyai bentuk masalah yang sedikit berbeza, dan tidak banyak berubah. Untuk itu, kajian ini turut membincangkan realiti umat Islam di ketiga-tiga wilayah secara umum demi memberi saranan-saranan umum untuk dinilai pada peringkat perancangan mahupun pelaksanaan strategik.

Di Malaysia, jurang kekayaan antara kaum khususnya Melayu/Bumiputera yang majoritinya umat Islam dengan kaum Cina dan India masih ketara. Dasar-dasar afirmatif seperti Dasar Ekonomi dan Model Ekonomi Baru walaupun mempunyai pencapaian (Mohd Sohaimi et al., 2022), tetapi tidak memberikan impak yang maksima akibat beberapa faktor sosio-ekonomi (Sukemi, 2018; C. Choong, 2022). Begitu juga jurang kekayaan antara bandar dan luar bandar serta antara wilayah yang sering kali menyaksikan penduduk luar bandar mempunyai akses yang terhad kepada peluang pendidikan, infrastruktur dan ekonomi (Nor Serihamsa & Lai Wei, 2021). Ekonomi negeri-negeri Melayu/Bumiputera (majoritinya umat Islam) relatifnya masih tertinggal walaupun mereka mempunyai hasil bumi yang banyak. Umat Islam di Malaysia umumnya memiliki pegangan aset yang lebih kecil dalam sektor perniagaan, hartanah dan pelaburan berbanding kaum Cina (Guanie & Keng, 2022; Hassan, 2024).

Indonesia pula menyaksikan jurang pembangunan antara wilayah. Wilayah-wilayah di Kepulauan Jawa adalah ketara lebih maju ekonominya berbanding wilayah lain (Rahmadi & Parmadi, 2019). Kesenjangan ekonomi antara wilayah ini dikatakan sebagai kesan buruk dari pembangunan ekonomi yang berfokus pada pertumbuhan ekonomi (Reika & Muhammad Rizki, 2022). Perpindahan ibu negara Indonesia ke Kalimantan adalah antara strategi besar dalam menyelesaikan masalah ini. Jurang ekonomi yang wujud antara golongan elit kaya dan rakyat biasa dilihat makin melebar. Golongan elit dilihat lebih berpeluang untuk mendapat akses perniagaan, pendidikan mahupun politik. Manakala, majoriti umat Islam berada dalam golongan rakyat berpendapatan rendah dan bekerja dalam sektor tidak formal seperti pertanian dan buruh. Jurang kekayaan ini dilebarkan oleh pengaruh golongan oligarki yang menguasai dan menentukan hala tuju kekayaan negara (Reika & Muhammad Rizki, 2022; Mohd Aiman et al., 2022).

Di Selatan Thailand, terutama di Pattani, Yalla dan Narathiwat, umat Islam mengalami marginalisasi ekonomi. Di samping konflik politik dan agama, masyarakat berhadapan dengan kemiskinan dan ketidakseimbangan dari sudut peluang perusahaan pekerjaan, pendidikan dan kesihatan. Konflik politik juga menyebabkan jurang ekonomi semakin melebar antara wilayah umat Islam dan wilayah lain. Bahkan golongan kaya dari wilayah lain sering menguasai peluang ekonomi di wilayah tersebut. Umat Islam terus terperangkap dalam kitaran kemiskinan dan agak sukar mendapatkan akses kepada modal

dan sumber ekonomi. Tambahan pula hasil-hasil yang diperolehi melalui penerokaan sumber-sumber alam di Selatan Thailand tidak disalurkan untuk membangunkan tiga wilayah tetapi dihantar ke pentadbiran pusat untuk pembangunan wilayah lain (Che Mohd Aziz, 2011; Mohd Firdaus & Mohd Ikbal, 2021; Haslindawati, 2023). Hal ini diburukkan lagi dengan undang-undang darurat yang turut mengurangkan minat pelabur untuk melabur dan membangunkan wilayah-wilayah ini (Che Mohd Aziz & Mohammad Zaki, 2019; Reuters, 2020). Biarpun banyak usaha yang dilakukan oleh pihak kerajaan, organisasi antarabangsa dan masyarakat setempat untuk membangunkan infrastruktur dan modal insan di wilayah-wilayah ini, masih banyak usaha dan perancangan yang diperlukan untuk membangunkan wilayah umat Islam ini.

Berdasarkan realiti ketiga-tiga negara yang dibincangkan, gagasan pemikiran pembangunan ekonomi Mohamad Hatta yang berprinsipkan keadilan sosial dan ekonomi rakyat dilihat masih boleh diadaptasi demi mendepani masalah semasa. Antara mekanisme yang boleh digerakkan adalah:

### **1) Pemberdayaan Koperasi dan Pembangunan Berasaskan Komuniti**

Penekanan Mohammad Hatta terhadap kepentingan koperasi sebagai alat utama dalam menggerakkan ekonomi rakyat boleh dimanfaatkan bagi membolehkan perkongsian sumber, peningkatan daya saing dan penyeteraan kesejahteraan bersama. Di Malaysia, Indonesia, dan Selatan Thailand - umat Islam seharusnya menjadikan koperasi sebagai mekanisme penyatuan dan pengumpulan dana pembangunan. Semangat kerjasama yang ada dalam tradisi masyarakat Islam harus dikerah sepenuhnya dalam membangunkan ekonomi. Ini sekaligus dapat membantu mengurangkan ketidaksamaan ekonomi, khususnya di kawasan luar bandar yang sering terpinggir. Pemberdayaan institusi koperasi boleh disinergikan dengan gerakan kuasa kepenggunaan masyarakat Islam.

Koperasi seharusnya fokus kepada aktiviti pembangunan berasaskan keperluan dan kapasiti komuniti setempat. Tumpuan kepada koperasi kredit seharusnya bukan menjadi keutamaan. Di Malaysia, pendekatan ini dapat memperkukuh agenda Bumiputera. Sementara di Indonesia dan Selatan Thailand, ia boleh digunakan untuk meningkatkan taraf hidup komuniti Islam melalui projek ekonomi berskala kecil yang berteraskan semangat 'gotong-royong' dengan mengambil kira kekuatan sumber dan modal insan setempat. Kerjasama koperasi antara wilayah tiga negara yang berdekatan boleh dilakukan dari sudut latihan pengurusan dan perusahaan, khasnya melibatkan industri halal. Ini mungkin boleh dilanjutkan dengan pembangunan sebuah model koperasi yang disinergikan dengan instrumen kebajikan sosial Islam yang lain seperti waqaf, zakat dan sedekah (Awang & Chik, 2023).

### **2) Keadilan Sosial dan Pengagihan Kekayaan yang seimbang**

Ketidakseimbangan agihan kekayaan adalah antara masalah ekonomi global. Justeru, Hatta amat menekankan keadilan dan kesetaraan agihan kemakmuran ekonomi yang berfokus kepada rakyat. Di Malaysia, adaptasi idea Hatta boleh dilakukan dengan mengukuhkan dasar-dasar afirmatif demi keutuhan ekonomi Bumiputera yang sememangnya termaktub dalam perlembagaan tanpa mengenyepikan kelompok kaum lain yang berhak. Di Republik Indonesia pula, penerapan prinsip keadilan sosial dan pengagihan ekonomi mungkin menggunakan dasar-dasar afirmatif untuk mengukuhkan ekonomi kerakyatan sebagaimana digagaskan oleh Hatta. Manakala di Selatan Thailand, usaha harus berfokus kepada meminimalkan konflik politik dan ekonomi. Pemansuhan undang-undang darurat antara langkah strategik yang berpotensi membuka suntikan dan pelaburan dari dalam dan luar negara.

Dasar ekonomi yang berpihak kepada golongan lemah dan terpinggir adalah aspek yang ditekankan oleh Hatta. Ini boleh diaplikasikan di ketiga-tiga negara melalui program ekonomi inklusif seperti subsidi dan bantuan modal kepada para petani serta pengusaha kecil. Di samping reformasi dari sudut kutipan dan agihan zakat, ia perlu dilakukan secara lebih strategik dan efektif berdasarkan kemaslahatan semasa dan setempat.

### **3) Ekonomi Kedaulatan Rakyat**

Menurut Hatta, demokrasi ekonomi hanya boleh direalisasikan apabila rakyat terlibat memiliki dan mengurus sendiri perusahaan ekonomi. Ia boleh berlaku secara individu apatah lagi melalui kerjasama. Di Malaysia, konsep ini terbukti berkesan melalui inisiatif bumiputera secara inklusif seperti penubuhan *Government Link Corporate* (GLC) dan koperasi dalam sektor ekonomi strategik. Di Indonesia dan Selatan Thailand, demokrasi ekonomi dapat diperkasa melalui peluang penyertaan dalam ekonomi yang melalui pembangunan modal insan dan kewangan. Penubuhan agensi seperti Tabung Haji boleh dijadikan salah satu strategi yang menjadi pencetus kepada usaha pengumpulan dana.

Hatta juga menegaskan bahawa pendidikan adalah antara mekasmime terpenting dalam ekonomi kedaulatan rakyat. Pendidikan kewangan dan keusahawanan dalam kalangan umat Islam merupakan kerangka merealisasikan tuntutan fardu ain dan fardu kifayah. Sebahagian inisiatif pembangunan ekonomi yang berlaku di Malaysia mungkin boleh diadaptasi di Indonesia dan Selatan Thailand melalui keprihatinan pemerintah dan program tanggungjawab sosial korporat.

### **KESIMPULAN**

Idea-idea yang diadaptasi dari gagasan ekonomi Hatta ini, walau bagaimanapun perlu berpijak meraikan realiti ekonomi setempat, serantau dan sejagat. Dalam konteks cabaran terkini terhadap umat Islam, beberapa semangat yang digarap dari intisari pemikiran Hatta perlu dijadikan bahan fikir untuk umat Islam di Nusantara.

#### **1) Semangat Kemandirian Berasaskan Konsep Fardu Ain dan Fardu Kifayah**

Rasa tanggungjawab untuk membangun diri, komuniti dan negara sebagaimana yang dianjurkan oleh Hatta sangat relevan untuk melahirkan ummah yang lebih mandiri. Apatah lagi ia merupakan intisari dalam memahami konsep fardu ain dan fardu kifayah. Pembangunan ekonomi kerakyatan adalah tidak bersifat individualistik, tetapi memerlukan sumbangan kolektif demi kesejahteraan umat. Ini amat terbukti dengan pelbagai jenis filantropi yang digalakkan dalam syariat Islam, juga menzahirkan aspek tanggungjawab individu yang memberi kemaslahatan kepada masyarakat (Wan Mohd Yusof et al., 2018). Dalam konteks Nusantara, penerapan semangat ini amat penting untuk memastikan umat Islam mengambil peranan aktif dalam memperkukuh ekonomi mereka, sambil memelihara integriti moral dan spiritual Islam serta budaya masyarakat Melayu. Tanggungjawab ini melibatkan usaha gigih dalam bidang pendidikan, keusahawanan, kepenggunaan dan pengurusan sumber yang adil serta berkesan untuk kemakmuran bersama. Suatu reformasi sikap melibatkan anjakan paradigma yang holistik dan realistik sebagaimana diseru oleh Zaaba (Zainal Abidin Ahmad) perlu difikirkan bersama.

#### **2) Semangat Persaudaraan dan Kerjasama Sesama Umat Islam**

Bagi merealisasikan gagasan ekonomi Hatta memerlukan usaha pengukuhan solidariti persaudaraan dan kerjasama dalam kalangan umat Islam dan masyarakat lain di Nusantara. Kerjasama pelbagai kelompok berasaskan kepada prinsip keadilan dan saling menghormati, mampu mewujudkan persekitaran ekonomi inklusif dan berdaya tahan. Ia perlu dilakukan tanpa memprovokasi atau menzalimi golongan lain, selari dengan perundangan setiap negara dan semangat persaudaraan sejagat. Dalam hal ini, penubuhan suatu koperasi perusahaan, perdagangan mahupun kepenggunaan merentasi ketiga-tiga negara perlu diusahakan. Sebagai contoh, aktiviti pelancongan berasaskan sejarah, warisan dan ilmu dalam kalangan umat Islam di Nusantara wajar digunakan secara maksima. Antara lokasi yang dilihat kaya dengan nilai ini adalah Pattani, Terengganu dan Aceh (Wan Mohd Yusof, 2024). Jika semangat ini turut disertai umat Islam dari Brunei dan Singapura, ia menjadikannya lebih efektif. Realitinya, mewujudkan perpaduan dari sudut pemikiran dan tindakan adalah cabaran terbesar kepada umat Islam masa kini.

### **3) Semangat Kalis Cabaran Globalisasi dan Digitalisasi**

Cabaran terbesar kepada umat Islam sejagat, termasuklah di Nusantara adalah ketahanan dalam menghadapi ekonomi globalisasi dan digitalisasi yang semakin kompleks. Umat Islam di Nusantara perlu lebih bersedia dan tangkas untuk menyesuaikan diri dengan perubahan teknologi dan ekonomi global dengan bantuan kesepakatan umat Islam Nusantara yang mungkin berada di luar Nusantara. Pemikiran Hatta mengenai pentingnya penguasaan pemilikan teknologi dan penguasaan ilmu pengetahuan harus dihidupkan semula untuk memperkukuh daya saing umat Islam di peringkat antarabangsa. Kemampuan untuk berinovasi, mengadaptasi teknologi baru, membangunkan kearifan tempatan dan memanfaatkan peluang yang ditawarkan oleh ekonomi digital amat penting dalam memastikan umat Islam di Nusantara tidak ketinggalan dalam arus perkembangan global. Hal ini penting juga demi memastikan umat Islam dapat mengukuhkan ketuannya di bumi Nusantara dalam kemelut geo-politik terkini.

Kesimpulannya, Mohammad Hatta walaupun terkenal sebagai tokoh 'Penggagas Awal Ekonomi' dan Timbalan Perdana Menteri pertama bagi Republik Indonesia, pemikiran dan semangatnya turut tersebar ke seluruh Nusantara. Pemikiran ekonomi beliau bukan sahaja menjadi rujukan penting pada zamannya, namun terus relevan sehingga kini. Gagasan beliau, seperti koperasi dan ekonomi kerakyatan, telah berjaya mengubah lanskap ekonomi Indonesia, terutamanya dalam memperkukuh sektor Usaha Kecil Menengah (UKM) yang menjadi tulang belakang ekonomi negara. Meskipun pemikiran Hatta sering menjadi perdebatan, sumbangan beliau tetap tidak ternilai dan terus memberi impak besar. Begitupun gagasan dan pemikiran Hatta bukan sekadar anugerah dan kebanggaan buat Republik Indonesia, malah boleh dinilai dan diwacanakan semula menjadi inspirasi umat Islam di seluruh Nusantara demi menghadapi cabaran ekonomi semasa dan mendatang.

### **RUJUKAN**

#### **Buku**

- Anwar, A. (2008). *Bung Hatta dan Ekonomi Islam*. Multi Pressindo.
- Dainumi, D. (1984). *Kamus Istilah Ekonomi*. Pusat Pembinaan dan Perkembangan Bahasa Pendidikan dan Budaya.
- Deliar, N. (1990). *Mohammad Hatta Biografi Politik*. Jakarta: LP3ES Anggota IKAPI.
- Deliar, N. (2012). *Mohammad Hatta: Hati Nurani Bangsa*. Jakarta: PT Kompas Nusantara.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2007). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Sheikh Othman Sheikh Salim (Pnyt). DBP.
- Edy Suandi, H. (2007). *Sistem dan Reformasi Ekonomi Indonesia*. Dlm: Perekonomian Indonesia. Edisi 3 / 3 SKS / Modul 1-9. Tangerang Selatan: Universitas Terbuka.
- H. Oemar Bakry. (1980). *Bung Hatta Selamat Jalan cita-citamu kami teruskan*. Jakarta: Mutiara Jakarta.
- Hatta, M. (1954). *Kumpulan Karangan Mohammad Hatta*. Surabaya: Balai Buku Indonesia Djakarta Amsterdam Surabaya.
- Hatta, M. (1962). *Jejak yang Melampauai Zaman*. Seri buku Tempo Bapak Koperasi.
- Hatta, M. (1976). *Kumpulan Karangan: Buku 1*. Indonesia: Bulan Bintang.
- Hatta, M. (1979). *Memoir*. Jakarta: PT Tintamas Indonesia.
- Hatta, M. (1981). *Kumpulan Pidato II dari Tahun 1951 – 1979*. J. Wangsa Widjaja & Meutia F. Swasono (Pnyt). Yayasan Idayu.
- Hatta, M. (1991). *Mohammad Hatta: demokrasi kita, bebas, aktif dan ekonomi masa depan*. Sri-Edi Swasono & Fauzie Ridjal (Pnyt). UI-Press.
- Hatta, M. (1998). *Karya Lengkap Bung Hatta – Kebangsaan dan Kerakyatan*. Jilid 1. LP3ES.
- Hatta, M. (2002). *Kumpulan Pidato I dari 1942 sampai 1949*. Jakarta: PT Toko Gunung Agung.
- Hatta, M. (2002). *Kumpulan Pidato I*. Jakarta: PT Toko Gunung Agung.
- Hatta, M. (2015). *Membangun koperasi dan koperasi membangun: gagasan & pemikiran*. Penerbit Buku Kompas.

- Itang. (2016). *Pemikiran Ekonomi Koperasi Mohammad Hatta: Relevansinya dengan Etika Ekonomi Islam*. Laksita Indonesia.
- Meutia Farida, S. (1980). *Bung Hatta: Pribadinya Dalam Kenangan*. Jakarta: Sinar Harapan.
- Rodrigue, J.-P. (2024). *The Geography of Transport Systems* (6th ed.). Routledge.
- Rohmat. (2019). *Biografi Singkat Mohammad Hatta*. Penerbit Duta.

### **Jurnal**

- Abdul Mufid. (2023). Riba Dan Bunga Bank Dalam Konsep Pemikiran Mohammad Hatta Dan Syafi'i Antonio. *Jurnal Ilmiah Pesantren*, 9(1), 1249-1284.
- Ahmad Faudzi, M. A., Md Bahrudin, M. Z. F., Mohd Farique, M. A., & Syed Ibrahim, S. A. I. (2022). Konsep Deep State: Satu Penilaian Semula: Revisiting the Concept of Deep State. *International Journal of Interdisciplinary and Strategic Studies*, 3(4), 217-239. <https://doi.org/10.47548/ijistra.2022.54>
- Akhmad Syaekhu, R. & Arief, H. (2022). Kebijakan Ekonomi Soekarno Pada Masa Demokrasi Terpimpin (1959-1965). *Alur Sejarah: Jurnal Pendidikan Sejarah*, 5(1), 1-10.
- Akhmad, S. (2021). Ekonomi Kerakyatan Pemikiran Mohammad Hatta Serta Implikasinya. *PeKA: Jurnal Pendidikan Ekonomi Akuntansi FKIP UIR*, 9(2), 35-38.
- Awang, M. Z., & Chik, W. Y. W. (2023). Application of Islamic Social Finance in Sustainable Development Goals with Specific Target for Maqasid Al-Shariah. *International Journal of Academic Research in Accounting Finance and Management Sciences*, 13(1), 35-46.
- C. Choong. (2022). Race-based affirmative action in Malaysia: Misrecognised subjectivities, enduring inequalities. *Asian Journal of Social Science*, 50(2), 79-86.
- Che Mohd Aziz, Y. (2011) Isu dan penyelesaian: konflik pemisah di selatan Thailand (Separatist Conflict in Southern Thailand: Issues and Resolutions). *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies*, 38(1), 13-34.
- Che Mohd Aziz, Y., & Mohammad Zaki, A. (2019). Transformasi Isu Dalam Penyelesaian Konflik Patani Di Selatan Thailand. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 46(1), 131-154.
- Efendi, R., & Bakhri, B. S. (2018). Konsep Koperasi Bung Hatta Dalam Perspektif Ekonomi Syariah. *Al-Hikmah: Jurnal Agama Dan Ilmu Pengetahuan*, 15(1), 111-135. [https://doi.org/10.25299/jaip.2018.vol15\(1\).1594](https://doi.org/10.25299/jaip.2018.vol15(1).1594)
- Haslindawati, S. (2023). Marginalisasi Islam Di Selatan Thailand: Analisis Terhadap Dasar Pemerintahan Thailand (Siam) Dan Isu-Isu Konflik Ke Atas Masyarakat Islam Patani. *Asian Journal of Environment, History and Heritage*, 7(2), 13-23.
- Herlina, S. (2014). Pemikiran Mohammad Hatta Tentang Ekonomi Koperasi Tahun 1925-1953. *AVATARA, e-Jurnal Pendidikan Sejarah*, 2(3), 211-223
- Hutabarat, P. N., Harsasto, P., & Utomo, S. (2015). Pemikiran Politik Mohammad Hatta Tentang Demokrasi. *Journal of Politic and Government Studies*, 4(2), 146-160. <https://ejournal3.undip.ac.id/index.php/jpgs/article/view/8213>
- Majalah Tempo. (2002). Edisi 20 Ogos 2002, 6.
- Maryono. (2015). Bung Hatta Proklamator, Ilmuan Penulisan dan Karya-karyanya: Sebuah Analisis Bio-Bibliometrik. *Berkala Ilmu Perpustakaan dan Informasi*, XI(2), 24-35.
- Moh. Musfiq Arifqi. (2020). Konsep Ekonomi Kerakyatan Sebagai Pengembangan Koperasi Syariah Di Indonesia (Tela'ah Pemikiran Muhammad Hatta). *Balanca Jurnal Ekonomi dan Bisnis Islam*, 2(2), 57-73.
- Mohd Firdaus, S., & Mohd Ikbil, M. H. (2021). Konflik Di Selatan Thailand: Implikasi Terhadap Keselamatan Nasional Malaysia. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 18(3), 138-158.
- Mohd Sohaimi, E., Irma, W. O., Sharifah Darmia, S. A., Jais, A. H. (2022) Menyingkap sejarah awal dasar ekonomi baru pemacu kepada usaha kelestarian negara bangsa. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 7(47), 338-349.

- Mukhtar, A. K. (2018). Peran Ukm Dan Koperasi Dalam Mewujudkan Ekonomi Kerakyatan Di Indonesia. *Jurnal Riset Bisnis dan Manajemen*, 8(1), 16-32.
- Nana, A., Saiful, B., & Tri, Y. (2016). Pemikiran Ekonomi Kerakyatan Mohammad Hatta 1953-1972 Dan Implementasinya Terhadap Pembelajaran Kelas XII SMA. *Jurnal CANDI*, 13(1), 53-71
- Nor Serihamsa, K., & Lai Wei, S. (2021). Faktor Ketidakseimbangan Pembangunan antara Negeri di Malaysia. *The Malaysian Journal of Social Administration*, 15(1), 1-25.
- Nuraini, P. (2023). Pengambilalihan Kekuasaan Kabinet Sjahrir oleh Persatuan Perjuangan pada 3 Juli 1946. *Siginjai: Jurnal Sejarah*, 3(1), 39-49. <https://doi.org/10.22437/js.v3i1.24509>
- Raden, L. A., Aim, A., Kokom, K. (2018). Kajian Pemikiran Mohammad Hatta Tentang Demokrasi di Indonesia. *Jurnal CIVICUS*, 18(12), 30-38
- Rahmadi, S., & Parmadi, P. (2019). Pengaruh ketimpangan pendapatan dan kemiskinan terhadap pertumbuhan ekonomi antar pulau di Indonesia. *Jurnal Paradigma Ekonomika*, 14(2), 55 - 66. <https://doi.org/10.22437/paradigma.v14i2.6948>
- Reika, H. S., & Muhammad Rizki, P. (2022). Dampak Buruk Pembangunan Tanpa Pemerataan: Kesenjangan Ekonomi Antar Wilayah Di Indonesia. *Profit: Jurnal Administrasi Bisnis*, 16(1), 79-90.
- Resti, D., Isjoni & Tugiman. (2019). Peranan Mohammad Hatta Sebagai Bapak Koperasi Indonesia. *Jurnal Online Mahasiswa (JOM) Bidang Keguruan dan Ilmu Pendidikan*, 6(1), 1-11.
- Siti Muallimah. (2018). Konsep Ekonomi Kerakyatan Mohammad Hatta Dalam Tinjauan Maqasid Syari'ah. *Jii*, 3(1), 68-95.
- Sukemi, M. N., & Berma, M., & Baharuddin, S. A. & Shahadan, F., (2018). Pengaruh Tindakan Afirmatif kepada Agihan Kekayaan antara Etnik di Malaysia. *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 52(1), 269-281.
- Wan Chik, W. M. Y., Daud, K. A., Mohd Ghazalli, F. S., Ramly, A. F., Mohd Ali, A. W., & Mohd Fadzli, A. I. (2024). Heartware Tourism: Concept And Implementation Potential In Terengganu State: A Preliminary Study: Pelancongan Perkakasan Hati: Konsep Dan Potensi Pelaksanaannya Di Negeri Terengganu: Suatu Tinjauan Awal. *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, 33(1), 17-32. <https://al-qanatir.com/aq/article/view/786>
- Wan Mohd Yusof, W. C., Engku Muhammad Tajuddin, E. A., Syed Mohd Azmi, S. A. R., & Abdullah Alqari, M. Z. (2018). *Filantropi: Satu Sorotan Dari Sudut Hukum Taklifi*. *Asian People Journal (APJ)*, 1(1), 12-27.
- Wulandari & Asyari, H. (2023). Pemikiran Ekonomi Kerakyatan Muhammad Hatta dalam Prespektif Ekonomi Islam. *Jurnal Ilmiah Ekonomi Islam*, 9(3), 3586-3592.
- Yunita, I. F., Naufal, K. (2023). Keselarasan Ekonomi Syariah Dengan Sistem Ekonomi Kerakyatan Perspektif Muhammad Hatta. *Jurnal Islampedia*, 2(1), 53-60.

### **Tesis & Disertasi**

- Alma, F. (2020). *Ekonomi Kerakyatan Pemikiran Mohammad Hatta Dan Relevansinya Pada Perekonomian Indonesia Dalam Perspektif Ekonomi Syariah*. Skripsi Sarjana Ekonomi, Fakultas Ekonomi Dan Bisnis Islam, Universitas Islam Negeri Raden Intan Lampung.
- Anggianti, A. (2015). *Konsep Koperasi Moh. Hatta Dan Relevansinya Dengan Perkembangan Koperasi Syariah*. Skripsi Sarjana Ekonomi Islam, Fakultas Syariah dan Ekonomi Islam, Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Syekh Nurjati Cirebon.
- Chandra, P. (2015). *Pemikiran Sukarno Di Sebalik Konfrontasi Indonesia 1959-1965: Suatu Tinjauan Psikologi Politik*. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Utara Malaysia.
- Hindi, J. (2011). *Studi Terhadap Konsep Ekonomi Kerakyatan Mohammad Hatta Menurut Perspektif Ekonomi Islam*. Skripsi Fakultas Syariah Dan Ilmu Hukum Universitas Islam Negeri Sultan Syarif Kasim.

- Maula Husien, M. (2019). *Mohammad Hatta Dan Sosialisme Islam*. Sarjana dalam Program Strata Satu, Fakultas Adab Dan Humaniora, Universitas Islam Negeri (UIN) Sunan Ampel Surabaya.
- Muhammad, A. M. (2020). *Pemikiran Mohammad Hatta Tentang Ekonomi Kerakyatan Perspektif Ekonomi Islam Mohammad Abdul Mannan*. Skripsi Fakultas Ekonomi Dan Bisnis Islam, Institut Agama Islam Negeri Ponorogo.
- Panji Patra, A. (2008). *Pemikiran Ekonomi Mohammad Hatta Ditinjau dari Perspektif Ekonomi Islam*. Skripsi Sarjana Ekonomi, Fakultas Syariah dan Hukum, Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah Jakarta.
- Sritua, A. (2002). *Ekonomi Kerakyatan Indonesia: Mengenang Bung Hatta, Bapak EKonomi Kerakyatan Indonesia*. Surakarta: Muhammadiyah University Press.
- Wiki, R. M. (2022). *Konsep Koperasi Menurut Muh. Hatta (Landasan, Karakter, dan Relevansinya)*. Skripsi, Program Studi Perbankan Syariah, Fakultas Ekonomi dan Bisnis Islam, Institut Agama Islam Negeri Parepare.
- Yudiyanto. (2016). *Pandangan Nasionalisme Mohammad Hatta di Indonesia Tahun 1942-1956*. Tesis Sarjana, Program Pendidikan Sejarah Fakulti Keguruan dan Ilmu Pendidikan Universiti PGRI Jogjakarta.

### **Laman Sesawang**

- Achmad, S. (t.t). Mohammad Hatta. Ensiklopedia Sejarah Indonesia. [https://esi.kemdikbud.go.id/wiki/Mohammad\\_Hatta](https://esi.kemdikbud.go.id/wiki/Mohammad_Hatta) (diakses pada 5 September 2024).
- Adam, H. (2024). Foreign Direct Investment (FDI): What It Is, Types, and Examples. Investopedia. <https://www.investopedia.com/terms/f/fdi.asp> (diakses pada 5 September 2024)
- Adi Tri Saputra, P. H. D. P. B. (2018). Koperasi Jantungnya Roda Perekonomian Bangsa. [https://babelprov.go.id/artikel\\_detil/koperasi-jantungnya-roda-perekonomian-bangsa](https://babelprov.go.id/artikel_detil/koperasi-jantungnya-roda-perekonomian-bangsa) (diakses pada 7 September 2024).
- Afifah, D. (2023). Perbezaan Ekonomi Dahulu dan Ekonomi Sekarang. Kompasiana. <https://www.kompasiana.com/afifadenisa3459/63be96cf08a8b523a0726133/perbedaan-perekonomian-dulu-dan-sekarang> (diakses 11 Ogos 2024).
- Cusdiawan. Koperasi dan Demokrasi EkonoI dalam Imajinasi Moh. Hatta. <https://mjscolombo.com/koperasi-dan-demokrasi-ekonomi-dalam-imajinasi-moh-hatta.html> (diakses pada 7 September 2024).
- Eza. (2022). Apa Itu Pelaburan Langsung Asing (FDI) Dan Mengapa Ianya Penting? Majalah Labur. <https://www.majalahlabur.com/pelaburan/apa-itu-pelaburan-langsung-asing-fdi-dan-mengapa-ianya-penting/> (diakses pada 26 Oktober 2024)
- Fahri, A. (2024). Biografi Moh Hatta, Pendiri Bangsa yang Lebih dari Bapak Koperasi Indonesia. <https://www.ruangguru.com/blog/cerita-bung-hatta> (diakses pada 7 September 2024).
- Formadiksi Universitas Negeri Malang [UM]. (2023). Hari Sumpah Pemuda: Organisasi Pemuda yang Berperan dalam Lahirnya Sumpah Pemuda. <https://formadiksi.um.ac.id/hari-sumpah-pemuda-organisasi-pemuda-yang-berperan-dalam-lahirnya-sumpah-pemuda/> (diakses pada 7 September 2024).
- Guanie, L., & Keng, K. N. (2022). How Malaysian Politics Shaped Chinese Real Estate Deals and Economic Development. <https://carnegieendowment.org/research/2022/06/how-malaysian-politics-shaped-chinese-real-estate-deals-and-economic-development?lang=en> (diakses pada 7 September 2024).
- Hassan, A. K. (2024). KEB perlu jujur kaji kegagalan bumiputera kuasai ekonomi. Sinar Harian. <https://www.sinarharian.com.my/article/650224/berita/nasional/keb-perlu-jujur-kaji-kegagalan-bumiputera-kuasai-ekonomi> (diakses pada 7 September 2024).

- Joseph, C., James, D. G., & Hugo, M. M. (2020). The Transportation-Communication Revolution: 50 Years of Dramatic Change in Economic Development. <https://www.cato.org/cato-journal/winter-2020/transportation-communication-revolution-50-years-dramatic-change-economic> (diakses pada 5 September 2024)
- Kementerian Agama Republik Indonesia. (2017). (Opini) Soekarno-Hatta dan Idealisme Pancasila. <https://kemenag.go.id/opini/opini-soekarno-hatta-dan-idealisme-pancasila-xk8ldc> (diakses pada 5 September 2024)
- Kementerian Sekretariat Negara Republik Indonesia. (2024). Demokrasi Kerakyatan Dalam Perspektif Mohammad Hatta. [https://www.setneg.go.id/baca/index/demokrasi\\_kerakyatan\\_dalam\\_perspektif\\_mohammad\\_hatta](https://www.setneg.go.id/baca/index/demokrasi_kerakyatan_dalam_perspektif_mohammad_hatta) (diakses pada 8 September 2024).
- Maulina, F. (2024). Perkembangan Koperasi di Indonesia: Dampak Sosial Ekonomi dan Kontribusi terhadap Pemberdayaan Masyarakat. S1 Pendidikan Sejarah FKIP UNS. <https://sejarah.fkip.uns.ac.id/2024/02/28/perkembangan-koperasi-di-indonesia-dampak-sosial-ekonomi-dan-kontribusi-terhadap-pemberdayaan-masyarakat/> (diakses pada 7 September 2024).
- Reuters. (2020). Thailand umum darurat kekang protes mega. Awani. <https://www.astroawani.com/berita-dunia/thailand-umum-darurat-kekang-protes-mega-263612> (diakses pada 8 September 2024).
- Suroto. (2024). Bung Hatta, Bapak Kedaulatan Rakyat. Universitas Bung Hatta. <https://bunghatta.ac.id/artikel-399-bung-hatta-bapak-kedaulatan-rakyat.html> (diakses pada 8 September 2024).

**Penafian**

*Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.*